

# AYAT POLIPREDIKATIF DALAM BAHASA MELAYU

*Natalia F. Alieva*

## **Abstrak**

Model-model ayat polipredikatif mempunyai kemungkinan yang luas untuk menjadikan isi makna sesuatu ayat lebih lengkap dan padat. Makna sesuatu klausa yang utama ditambah dengan pemerian situasi lain seperti aksi, gerakan, keadaan, perasaan dan sebagainya, tanpa diulangi subjeknya dan anggota yang lain. Ini diadakan sama ada dengan susunan multiverbal pada posisi sebutan atau mengaitkannya dengan pelbagai frasa kerja yang bergantung pada anggota klausa utama. Susunan multiverbal ialah sebutan sejenis, sebutan serial, konstruksi rantai yang membawa makna perseptif, kausatif, dan performatif.

Dari sudut linguistik umum, segala masalah analisis ayat polipredikatif ada hubungannya dengan fenomena konjugasi kata kerja serta oposisi bentuk finit atau tak finit yang merupakan inti predikasi ayat pada peringkat lahir (sintaksis) dan inti proposisi pada peringkat batin (logik). Kategori morfologi berkenaan tidak ada dalam Bahasa Melayu Indonesia, maka kajian ini membahas hal-hal predikasi dan proposisi dalam kaitannya dengan susunan bahasa Melayu.

## **Abstracts**

*The models of polypredicative sentences create rich possibilities for making complete and meaningful contents of a sentence. To the nuclear clause, some expressions of other situation/s are added, as actions, movements, states, feelings, etc., without repeating the subject and other members. They are expressed either by multiverbal predicate structures, or by joining to clause members various dependent verb phrases. Multiverbal structures are coordinative predicates, or specific chain constructions with perceptive, causal, performative meanings.*

*In general linguistics, the problems of analyzing polypredicative sentences are connected with verb conjugation and finite/non-finite verb forms opposition. These morphological categories are the centre of the sentence predication on the surface (syntactical) level and of the proposition phenomenon on the deep (logical) level. As these morphological categories are absent in Indonesian Malay, this investigation will discuss on predication and proposition concepts in relation to the structure of Malay language.*

## **PENDAHULUAN**

Pendekatan teori linguistik universal terhadap masalah ayat polipredikatif boleh dianggap mempunyai keterbatasan oleh pemahaman sebagai ciri universal akan susun atur bahasa yang memiliki oposisi bentuk verbal finit atau tak finit. Gatra verbal dengan bentuk tidak finit seperti partisipel, infinitif, masdar, partisipel adverba, dengan jelas berbeza daripada ayat atau klausa yang mempunyai sebutan yang dinyatakan dalam bentuk verbal finit. Namun ada beratus-ratus bahasa yang tidak memiliki oposisi berkenaan. Oleh itu, ada perbezaan besar antara bidang sintaksis polipredikatif (tidak mengambil kira ayat majmuk biasa) dengan pelbagai jenis susun atur bahasa yang ada atau tiada oposisi finit atau tak finit kata kerja, dan perbezaan itu seharusnya diambil kira dalam pengkajian linguistik.

Dalam bahasa Melayu (selanjutnya - BM), yang jelas tidak memiliki oposisi tersebut dalam sistem verbal. Ayat polipredikatif ialah ayat yang mempunyai dua atau lebih kata/frasa kerja (=predikat), baik sebutan mahupun bukan sebutan, yakni frasa kerja yang tergantung daripada sebutan.

Oleh sebab adanya perbezaan besar antara susun atur bahasa serta pendekatan tentang pengkajiannya seperti di atas, maka pengkaji merasakan perlu memulakan artikel ini dengan membincangkan dan menjelaskan pemahaman terhadap beberapa masalah sintaksis.

## **PROPOSISI DAN PREDIKASI AYAT: PERINGKAT BATIN DAN LAHIR**

Pemahaman dan pengkajian soal ayat polipredikatif mempunyai hubungan yang rapat dengan pemahaman hal predikasi pada peringkat batin dan lahir. Ayat dari satu segi ialah sejenis ujaran yang mengandungi fikiran dan yang bersamaan dengannya. Dari segi yang lain pula, ayat ialah model inti dalam sintaksis dengan skema-skema intonasi. Pada kedua-dua peringkat itu,

terdapat struktur inti yang minimumnya beranggota dua.

Kajian ini menitikberatkan hal struktur inti beranggota dua dengan adanya beberapa ciri khusus bahasa Melayu (BM), iaitu tiadanya bentuk finit konjugasi koordinatif pada kata kerja; kekerapan tinggi pasif; urutan pokok dan sebutan yang agak bebas.

### **Predikasi dan Relasi Predikatif**

Pada peringkat lahir ialah relasi utama dalam ayat beranggota dua, iaitu dua kata penuh. Predikasi muncul sebagai wujudnya proposisi, yakni peristiwa yang dihubungkannya daripada dua unit pengertian pada peringkat batin. Proposisi dari segi makna ialah penegasan benar atau tidaknya perhubungan antara dua unit pengertian tersebut. Satu daripada unitnya ialah subjek fikiran dan pernyataan, yakni suatu pengertian benda atau kebendaan yang dijadikan pusat perhatian. Unit kedua ialah predikat fikiran yang khusus menyatakan sesuatu tentang subjek, seperti kerjanya secara aktif atau tidak aktif. Dua unit tersebut berkaitan antara satu sama lain, dan menjadi pasangan predikatif.

Maka pasangan predikatiflah yang menjadi inti ayat yang mencerminkan situasi kenyataan dan memberitahu mengenai kebenaran ikatan antara subjek dengan predikat proposisi, sama ada hubungan itu benar, sesuai dengan situasi (situasi sebenar atau seperti yang difikirkan/diberitahukan oleh si penulis/pembicara) atau tidak benar, tidak ada dalam kenyataan, lalu dinyatakan dengan kata-kata nafi. Dengan yang demikian, predikasi mencerminkan adanya proposisi, sama ada positif (=sebenar) ataupun negatif (=nafian), yang dapat ditambahi dengan makna modaliti atau masa. Menurut proposisi, yakni kaitan predikatif asli pada peringkat batin, lalu perkaitan predikatif dalam ayat pada peringkat lahir pun membabitkan kata-kata tertentu yang memberikan nilai makna kepada modaliti dan aspek masa.

### **Proposisi dan Pengertian**

Sesuai dengan pelbagai situasi kenyataan, proposisi boleh merupakan perkaitan antara pelbagai pengertian, sama ada hal kebendaan atau bukan kebendaan. Kepelbagaian itu memberikan kemungkinan untuk meneliti suatu senarai relasi predikatif serta model dasar bagi ayat pada peringkat lahir, seperti contoh di bawah ini:

- I. Kesamaan/identiti yang memperwatakkkan, misalnya: *Pegawai*

- kanan ini [ialah / bukan] pengarah sekolah kami.\*\**
- II. Subjek masuk kategori benda tertentu: *Datuk saya [ialah/bukan] orang tani. Uda dan Dara ialah ciptaan Usman Awang.*
  - III. Pernyataan tentang ada/ tiadanya ciri sifat kualiti,: *Petani itu [tak] rajin. Emas ini [tidak] kuning. Rumah itu [tidak] tinggi.*
  - IV. Pernyataan tentang keadaan fizikal, akliah, emosional, atau perubahan keadaan daripada subjek, cuaca, alam, masyarakat dan sebagainya: *Datuk sakit. Anak [belum] sembuh. Angin keras. Perang belum tamat.*
  - V. Pernyataan tentang situasi kerjaan aktif dan bertujuan, yang dapat diikuti oleh pelbagai pengikut (aktan) yang aktif dan yang tidak aktif. Meskipun isu mengenai situasi kerja aktif diberi tempat terakhir dalam senarai ini: *Dialah sebenarnya terpenting dalam mencerminkan macam-macam liku kegiatan dan kehidupan manusia.*

Kelima-lima pernyataan tersebut merupakan dasar untuk jenis-jenis proposisi bersama-sama dengan relasi antara subjek – predikat masing-masing pada peringkat batin.

Untuk merealisasikan pelbagai jenis predikasi yang berkenaan pada peringkat lahir, perlu dipergunakan secara tepat, pelbagai sarana bahasa daripada taraf leksikal, sintaksis dan morfologi sehingga menghasilkan ayat yang sesuai dengan kaedah bahasa tertentu. Justeru, pasangan predikatif “pokok + sebutan” merupakan sumbu dwianggota pada ayat Melayu, dan ciri ini perlu dikemukakan, kerana mungkin dapat dibangunkan susunan ayat yang terdiri daripada satu sebutan sahaja yang sememangnya terbatas sekali dalam BM. Seperti keterangan di atas, ini disebabkan oleh beberapa ciri, terutama kerana tidak ada morfologi kasus, bentuk verbal finit dan kopula berkonjugasi (yang boleh mengandungi makna subjek dalam infleksinya). Selain itu, banyak ayat pasif digunakan dalam BM dan urutan katanya agak bebas. Hai ini tidak terdapat dalam struktur ayat beranggota satu, kecuali ucapan dengan ekspresi, elipsis, dan penyebutan.

Dalam bahasa sintetis sesuatu bentuk finit verba, sudah memadai untuk menyatakan predikat dengan subjeknya dalam suatu kata sekali gus yang boleh wujud sebagai ayat. Contohnya: Bahasa Latin (Roman): *veni* ‘datang’ (*1-st pers., Sing., Imperf., Pres.*); bahasa Rusia: *otnesut* ‘membawa’ (3d

---

\*\* Dalam kurung siku diberi kopula dan / atau kata nafi yang mungkin dipakai.

pers., Plur., Perf., Future); bahasa Turki Azerbaijan: *bahmadln* ‘memandang’ (*1-st pers., Sing., Past, Neg.*).

Falsafah linguistik Eropah tradisional mengandungi segala macam makna konjugasi, yakni kefinitan verba disimbolkan dalam kata kerja kopula, dan diwujudkan dalam satu model yang universal bagi ayat, yakni “nama berkasus nominatif + kata kerja berbentuk finit yang merujuk nama subjek”.

Proposisi V di atas mencakupi predikat dengan aktan-aktan pengikut situasi tersebut. Antara aktannya ialah aktor, yakni punca kerjaan atau keadaan yang paling berkeupayaan menjadi subjek proposisi selari dengan menjadi subjek situasi kenyataan. Di samping itu, mungkin terdapat jenis-jenis aktan objek yang sama-sama wujud dalam situasi. Yang dibicarakan setakat ini ialah peringkat batin, peringkat akliah; aktor di sini ialah aktor, aktan objek ialah aktan objek, dan semuanya dilingkupi proposisi dengan predikat yang satu.

Namun, yang penting bagi linguist ialah peringkat lahir, yang terdapat ayat dengan segala ciri-ciri leksikal, sintaksis dan morfologi, serta irama intonasi. Seperti yang semua maklum bahawa unit fikiran di peringkat batin, yakni proposisi yang satu dapat direalisasikan pada peringkat lahir dengan berbagai-bagai ucapan, dengan menyusun ayat yang berbeza-beza jenisnya. Justeru di sini teras bagi operasinya ialah transformatif ataupun generatif.

Banyak perhatian diberikan di sini kepada perimbangan dua peringkat di sini, iaitu peringkat batin dengan unit proposisi dan peringkat lahir dengan unit ayat supaya menyatakan niat yang khusus. Niat khusus itu adalah untuk menitikberatkan bahawa dalam analisis ayat sebagai struktur lahir formal, pengertian-pengertian sintaksis lahir hendaklah digunakan, dan bukan pengertian anasir-anasir dari peringkat batin. Justeru, dalam pemerian struktur ayat polipredikatif, yakni sasaran penyelidikan ini, tidak terjadi percampuran susunan peringkat batin dan lahir. Kesulitan ini sering muncul dalam proses menganalisis ayat dengan frasa kerja tergantung.

Sehubungan dengan itu, harus diingat bahawa ucapan bahasa, iaitu bunyi, perkataan dan ayat dengan gatra-gatranya menyerupai garis panjang dalam masa, kerana wujud bahasa sebenar adalah yang berbentuk linear, bergaris.

Istilah “ayat polipredikatif” dalam ilmu bahasa moden digunakan sebagai istilah umum bagi segala macam model ayat yang bukan hanya mengandungi satu pasangan “frasa nama + frasa kerja” dengan satu kata kerja inti sahaja. Dalam bahasa-bahasa yang memiliki perbezaan bentuk finit atau tak finit, oposisi ayat dan rangkaian bukan ayat sangat jelas,

sehingga ayat majmuk dengan dua pasangan predikatif (dua kata kerja berbentuk finit saling berkaitan) cukup jelas berbeza daripada ayat polipredikatif yang lain. Keadaan dalam struktur bahasa flektif demikian perlu dibandingkan dengan susunan bahasa tanpa morfologi flektif.

Apabila diteliti sistem struktur bahasa-bahasa di kawasan Asia Tenggara dan Asia Timur, maka timbullah persoalan tentang perubahan pendekatan metodologi terhadap penerapan masalah kepolipredikatifan. Bahasa-bahasa kawasan berkenaan berbeza-beza antara satu dengan yang lain dari sudut perimbangan darjah analitisme – sintetisme. [Beberapa kajian tentang masalah analitisme-sintetisme berhubung dengan struktur ada disajikan dalam makalah pengkaji (Alieva, 2002)]. Ada bahasa-bahasa analitis yang 100% tidak mempunyai apa-apa bentuk morfologi kata kerja. Ada juga bahasa-bahasa Austronesia (AN) yang mempunyai bentuk-bentuk sintetis, terkadang amat kaya, rumit dan tidak biasa bagi linguistik tradisional.

Sebaliknya, paradigma konjugasi koordinatif dan/atau konjugasi referensi kata kerja yang universal bagi kebanyakan bahasa inflektif Eropah dan aglutinatif jenis *Altaik* biasanya tidak ada sama sekali atau wujud sedikit sahaja dalam bahasa-bahasa kawasan berkenaan. Perlu dijelaskan bahawa erti konjugasi referensi (istilah lain – kepredikatifan) berkaitan dengan referensi isi makna ayat terhadap kenyataan yang meliputi relasi masa, aspek, modaliti, dan fasis.

## **KEKHUSUSAN STRUKTUR BAHASA MELAYU**

Susunan bahasa Melayu yang diselidiki di sini, termasuk dalam rumpun Barat AN yang kebanyakannya memiliki pengimbuhan aglutinatif lebih atau kurang kaya, yang ditambahi berjenis-jenis lagi model pengulangan morfem dan perkataan.

Aglutinasi BM tidak mempunyai kategori morfologi finit kata kerja, sama ada yang bersifat koordinatif ataupun referensial. Sebaliknya, BM bukan hanya memiliki satu tetapi beberapa model utama ayat, sesuai dengan adanya berbagai-bagai jenis proposisi dengan predikat yang berbeza-beza pula, iaitu kata/frasa kerja, kata/frasa sifat, kata/frasa nama, atau malah frasa keterangan adverbial. Ini bererti bahawa pengertian proposisi, predikasi dan kepredikatifan relevan pula untuk struktur BM. Relevan pula, kerana segala bahasa dapat menyatakan segala liku fikiran dan perasaan manusia dengan sarana-sarana bahasa berkenaan.

Segala penyataan fikiran dipenuhi oleh kekayaan perbendaharaan kata. Kalau diambil kira fungsi utama dalam ayat yang sesuai dengan makna-

makna semantik, maka kata-kata BM pertama-tamanya dapat dikelaskan menjadi dua superkelas, iaitu nama dan predikat yang sangat sesuai dengan erti umum proposisi. Superkelas predikat terdiri daripada dua kelas kata kerja transitif dan tak transitif, dan kelas kata sifat (adjektif). Kata-kata superkelas ini tidak diperuntukkan bagi fungsi substantif. Fungsi utama bagi kata kerja ialah fungsi sebutan yang berkaitan dengan pokok ayat sementara kedua-duanya merupakan pasangan predikasi. Fungsi utama ini terjelma dalam ciri kepredikatifan yang dimiliki oleh masing-masing kata kerja sebagai sifat atau ciri tetap, dalam apa-apa fungsi sintaksisnya.

Ciri dasar predikat pada kata kerja, di samping semantik predikat, ialah yang berkaitan dengan relasi-relasi predikat-aktan (atau bergulung/kes hubungan), yakni dengan aktor dan dengan berbagai-bagai aktan objek. Menurut hubungan itu, segala kata kerja dalam BM terbahagi kepada kelas tak transitif dan kelas transitif. Hubungan sintaksis itu terjelma dalam dua jenis kategori nahuan kata kerja transitif, yakni kategori diatesis aktif-pasif dan kategori ketransitifan bervariasi (*differenciated transitivity*). Kata kerja yang mengandungi makna dan penanda imbuhan daripada hubungan tersebut mempengaruhi seluruh susun atur ayat, terutamanya ikatan semantik sintaksis antara pokok dengan sebutan, iaitu hubungan predikatif. Kata kerja transitif dikenal melalui keupayaannya mengambil kedua-dua bentuk diatesis dan tidak boleh wujud tanpa bentuk aktif atau pasif.

Berbeza daripada bahasa-bahasa Eropah, dalam BM tidak ada alasan untuk menganggap bentuk diatesis aktif sebagai bentuk pokok, dan bentuk diatesis pasif sebagai bentuk turunan. Malahan adanya bentuk pasif berawalan *di-* merupakan ciri pengenalan KK transitif dengan paradigma bentuknya, jika awalan *me-/meN-* dapat menurunkan kata kerja tak transitif pula. Penamaan 'aktif' dan 'pasif' jangan diertikan secara langsung sebagai sifat subjek, tetapi harus ditafsirkan sebagai istilah abstrak linguistik bagi dua anggota paradigma diatesis. (Sebab ada sesetengah linguist yang tidak suka memakai takrif 'pasif'). Sesungguhnya, bukan sifat aktif atau pasif daripada subjek yang diperkatakan di sini tetapi mengenai dua cara, dua sarana bahasa untuk menyatakan situasi yang sama. Sarana itu ialah interaksi morfologi-sintaksis.

Dalam semua bahasa, tidak kira bagaimanapun susun aturnya, terdapat pengertian ketransitifan verbal berhubungan dengan gejala yang dicerminkannya. Kenyataan yang umum seperti adanya relasi aksi, kerjaan, proses, keadaan terhadap objek-objek yang disinggunginya.

Logik dan falsafah bahasa menganggap objek sebagai benda, dan kerjaan sebagai proses yang berposisi antara satu sama lain, namun tidak

dapat wujud dalam satu tanpa yang lain. Tanggapan objek yang secara pasif ikut disinggung oleh kerjaan, dipertentangkan lagi kepada pengertian subjek/aktor, yang secara aktif mengerjakan sesuatu sebagai punca proses atau kerjaan. Para linguist sudah lama tidak menyenangi istilah logik berkenaan, maka mereka mencipta istilah-istilah baharu seperti hubungan predikat-argumen, agen dan *patient*, hubungan predikat-aktan, aktan aktor dan aktan objek. Yang terakhir ini akan dipakai dalam pemerian selanjutnya.

Walau apa pun takrifnya, oposisi dua jenis aktan tersebut, iaitu aktor dan objek sangat penting untuk mencerminkan perbezaan peranan-peranan yang begini bererti dalam segala situasi kehidupan manusia, sehingga bererti pula untuk mencerminkan situasi dalam bahasa dari satu segi dan untuk benar-benar memahami segala macam unit tuturan bahasa dari segi yang lain. Maka sepatutnyalah mana-mana bahasa memiliki sarana untuk menyatakan hubungan, sama ada antara aktan aktor dan kerjaan atau relasi kerjaan terhadap objek.

Melihat kelakuan berbagai-bagai kata kerja dalam sintaksis BM, sama ada sebagai sebutan atau bukan sebutan, boleh disimpulkan bahawa kata kerja itu selalu membawa sifat kepredikatifannya termasuk yang digunakan dalam fungsi bukan sebutan, tanpa kaitan langsung dengan pokok. Kata kerja tetap kata kerja, tanpa menjadi partisipel, adverbial, infinitif dan sebagainya. Hanya dalam wacana konkrit mungkin ada sarana tertentu yang meneutralkan kepredikatifannya, misalnya pemakaian kata kerja bersama *itu / ini* dalam fungsi pokok. Pengkaji menggarisbawahi ciri-ciri BM tersebut berhubung dengan penelitian ayat polipredikatif umumnya.

## **Kata Kerja Finit dan Tak Finit**

Soal perbezaan bentuk kata kerja yang finit dan tak finit ada kaitannya dengan struktur multiverbal pada umumnya, dan oposisi finit/tak finit dalam sistem kata kerja BM boleh wujud dua pendekatan. Satu ialah yang sederhana berdasarkan kenyataan tiadanya konjugasi verba dalam BM, sama ada konjugasi koordinatif atau referensial, dengan kesimpulan “bentuk finit tidak ada”. Akan tetapi, setelah diselidiki pemakaian kata kerja transitif berawalan kosong, terdapat beberapa hal yang perlu diberi perhatian pula. Bentuk terbabit perlu dibezakan daripada kata kerja tak transitif akar, tanpa awalan, seperti *tidur, lari*. Dari segi kata kerja transitif, bentuk berawalan kosong membawa erti persona pertama atau kedua Serentak dengan itu, bentuk berawalan kosong membawa makna pasif. Selain itu, bentuk berkenaan berbeza dengan bentuk verbal BM kerana ia digunakan sebagai



sebutan sahaja, melainkan digunakan sebagai inti frasa tergantung.

Sebenarnya, bentuk pasif berawalan *di-* juga tidak boleh digunakan secara bebas sebagai inti frasa kerja tergantung (FKT). Sebaliknya bentuk berawalan *meN-*, baik transitif mahupun tak transitif, paling bebas berfungsi sebagai inti FKT, seperti memenuhi segala fungsi dan membawa segala makna daripada bentuk-bentuk verba tak finit yang ada dalam bahasa-bahasa sintetis. Demikianlah kaedah standard bahasa Melayu tulisan.

Bertentangan dengan itu, dalam teks-teks BM moden, awalan *meN-* dalam fungsi sebutan sering dilepaskan, sehingga fungsi bentuk berawalan kosong seolah-olah lebih dapat memenuhi ragam ayat transitif, tidak kira persona aktor (seperti yang terdapat pada banyak contoh yang diberikan di bawah). Sebagai kesimpulannya, mungkin boleh diduga bahawa terdapat sesuatu proses menyusun atur semula dalam BM moden berbanding dengan BM klasik. Ini merupakan ramalan pengkaji semata-mata. Akan tetapi, berhubung dengan pemerian struktur ayat polipredikatif yang selari dengan kaedah nahuan klasik, persoalan ini tidak dapat dilupakan dan dinafikan. Sebaliknya, ketidakupayaan bentuk kata kerja transitif berawalan kosong untuk dipakai dalam fungsi inti FKT perlu ditonjolkan.

## JENIS-JENIS AYAT POLIPREDIKATIF

Dalam teori dan tipologi ayat polipredikatif secara umum yang berperanan penting ialah masalah bentuk-bentuk kata kerja yang tak finit, seperti partisipel, partisipel adverba\*\*, infinitif, masdar dan lain-lain. Dengan adanya oposisi finit/tak finit ini, perbezaan antara jenis ayat polipredikatif dikaji dalam linguistik umum.

Dalam bahasa-bahasa Indo-Eropah dan Altaik jenis utama ayat polipredikatif adalah seperti yang berikut:

- i. Ayat yang mempunyai lebih daripada satu predikasi yang masing-masing menuntut pokok dengan bentuk finit kata kerja. Seperti kelihatan dalam ayat-ayat Inggeris: *He is sitting. He is reading. He is sitting and reading. When I entered he was reading* (dalam bahasa Rusia *voshol "entered"* dilampiri infleksi bermakna masa, aspek,

---

\*\* Istilah "adverbial" di sini bererti tradisional untuk bahasa sintetis flektif (seperti bahasa Rusia), sebagai bentuk verba tak finit yang berfungsi sebagai sirkumstansial (seperti adverbial) dan berbeza daripada partisipel yang berfungsi sebagai atribut (seperti adjektif). Dalam bahasa Inggeris ada satu bentuk partisipel yang melakukan kedua-dua fungsi itu. Selanjutnya istilah "adverbial" dipakai dengan erti semantik sahaja.

- jantina, jumlah). Dua ayat yang terakhir memang mempunyai dua verba finit, yakni dua predikasi, maka ditakrif sebagai ayat majmuk.
- ii. Meliputi ayat-ayat yang bukan sahaja mempunyai sebutan berbentuk finit, tetapi juga satu atau lebih frasa kerja yang tidak berinti bentuk finit. Seperti dalam contoh Inggeris di atas, satu bentuk finit boleh diganti oleh partisipel atau infinitif: *He reads usually sitting at the window. I saw him sitting at the window. I asked him to read some verses.* Dalam ayat-ayat ini, terdapat satu predikasi dengan bentuk finit dan frasa kerja tergantung berinti bentuk tak finit (*present participle, infinitive*).

Oleh itu, mungkin ayat-ayat seperti ini lebih tepat dan sesuai disebut ayat multiverbal dengan frasa kerja tergantung (FKT).

Walaupun dalam BM tidak ada atau hampir tidak ada oposisi finit/tak finit, namun terdapat cukup banyak model ayat polipredikatif dan bervariasi. Susun atur BM dan BI betul-betul kaya dengan pelbagai model ayat polipredikatif bersifat susunan parataksis mahupun hipotaksis. Model tersebut banyak dipakai dalam wacana berbagai-bagai ragam, sama ada dalam BM atau BI.

Pertama-tamanya, model yang harus disebut ialah ayat majmuk, baik koordinatif mahupun subordinatif, dengan atau tanpa konjungsi /kata sambung. Setiap klausa dalam ayat majmuk memiliki pasangan predikatif sendiri – pokok dan sebutan, atau satu gatra pokok yang berkaitan dengan satu gatra sebutan, tidak mengambil kira cara realisasinya dan ada/tiada eksplisit kepredikatifan dan aktualisasi.

Pengkaji mendapati bahawa dalam teks-teks BM terdapat cukup banyak struktur ayat yang baku/standard, di samping satu pasangan predikatif, yakni klausa utama yang mempunyai satu atau dua gatra lagi berinti kata kerja. Susunannya serupa dengan sebutan pada umumnya, dan boleh menjadi sebutan. Akan tetapi, di sini ia memenuhi fungsi lain kerana tidak berkaitan dengan gatra pokok sendiri. Dalam hal ini, boleh dianalogikan bahawa pemakaian bentuk verba tak finit dalam konstruksi hipotaksis bahasa-bahasa lain, serta ayat seluruhnya boleh disebut ayat multiverbal.

### **Apa gunanya susunan ayat polipredikatif?**

Pertama, dengan cara demikian, isi makna ayat menjadi kaya lagi padat, sesuatu ayat dapat serentak mengutarakan dan mencerminkan beberapa situasi yang diikuti atau dilaksanakan oleh subjek yang sama. Dengan ini,

subjek tidak perlu dinyatakan beberapa kali. Berbeza dengan konstruksi hipotaksis demikian, dalam konstruksi parataksis justeru terjadi pengulangan rujukan subjek itu; bahkan dalam teks zaman dahulu yang kaya dan indah bahasanya, seperti teks Melayu klasik, banyak didapati konstruksi parataksis semacam itu. Bagi pemahaman dan penyerapan manusia zaman moden, cara parataksis ini menghalangi jalan cerita dinamik, menjadikan wacana berkembang secara perlahan-lahan, tidak mempunyai tujuan yang nyata.

Berbanding dengan wacana, misalnya dari 1930-an, jelas menunjukkan bahawa adanya evolusi daripada parataksis ke arah hipotaksis. Dalam buku *Warna Sari. Sastera Melayu Moden* (1996), antara cerpen pilihan tempat pertama yang diberikan kepada karya Abdul Rahim Kajai, *Cetera Hiburan Raya Aidilfitri*, wacananya memang memperlihatkan berapa banyak konstruksi parataksis masih dipakai, sama ada susunan serial berperanan sebagai sebutan atau susunan kaitan frasa kerja yang berkaitan antara satu dengan yang lain tanpa apa-apa kata sambung yang mengunjukkan eksplisit relasi sintaksis.

Konstruksi parataksis berupa susunan serial dan sebutan rangkap cukup banyak digunakan dalam bahasa moden. Kaitan parataksis lalu berkembang menjadi lebih rumit dengan penanda eksplisit. Terdapat dua arah perkembangan yang dapat dikesan. Pertama, konstruksi rantai (KR) dengan relasi perseptif, kausatif, dan performatif. Arah kedua evolusi daripada parataksis kepada hipotaksis ialah pembentukan rumus membangunkan frasa kerja tergantung (FKT) yang memainkan peranan penting dalam sintaksis

Dalam bahasa moden yang telah berkembang di Malaysia mahupun di Indonesia, terdapat banyak jenis model hipotaksis standard seperti ayat polipredikatif, atau multiverbal. Ini membuktikan darjah perkembangan bahasa ini yang tinggi sebagai bahasa dinamik zaman baharu. Maka, mungkin bidang nahu BM dan BI ini patut diberikan perhatian sepenuhnya oleh para linguist.

Sebagai contoh, untuk tujuan analisis kajian ini, pengkaji menggunakan petikan teks oleh Prof. Asmah Haji Omar (sila rujuk Lampiran 1).

Seperti yang dapat dilihat daripada petikan yang berkenaan, Prof. Asmah memberikan penilaian yang tinggi terhadap teks *Sejarah Melayu*, sama ada dari segi isinya ataupun dari segi bahasanya. Beliau merujuk peranan besar susunan parataksis berbanding dengan hipotaksis dalam teks *Sejarah Melayu*, yang dianggapnya berkaitan dengan sifat-sifat teks bahasa zaman dahulu yang belum cukup berkembang lagi sarana-sarana hipotaksis, seperti pengaruh bahasa lisan. Ini kerana cerita-cerita dalam *Sejarah Melayu*

diciptakan penulis berdasarkan cerita-cerita lisan.

Yang menarik tentang teks *Sejarah Melayu* ialah kekayaan sarana morfologi (atau sintesis) yang digunakan dalam rangka susunan parataksis oleh penulis berbakat berkenaan. Dari segi corak wacana Prof. Asmah sendiri, didapati bahawa sarana hipotaksis digunakan sepenuhnya.

Dalam petikan teks Prof. Asmah yang berjumlah 36 baris, terdapat 20 ayat. Ertinya masing-masing ayat tidak pendek. Antara 20 ayat yang panjang itu, hanya terdapat lapan ayat majmuk. Ada 16 frasa dengan *yang*. Daripada itu, hanya satu sahaja berinti kata sifat (*yang utama*), yang lainnya semua merupakan FKT.

Terdapat empat FKT yang membawa bermakna keterangan adverbial, iaitu yang:

1. *berdasarkan faktor pertama dan kedua di atas* (keterangan sebab),
2. *mengatakan bahawa* (keterangan tujuan),
3. *menggunakan ukuran dalam zamannya* (keterangan cara),
4. *secara sambil lewa* (keterangan cara).

Sebagai tambahan, tiga ayat yang dipetik daripada petikan di atas menunjukkan contoh konstruksi yang lain pula:

5. *Seorang Arab mempersendakan orang Melayu dalam menyebut kata-kata Arab.*
6. *Ini dibalas balik oleh orang Melayu dengan mempersendakan orang Arab menyebut kata-kata Melayu.*
7. *Semuanya ini dengan mempermainkan bunyi bahasa.*

Di sini terdapat dua lagi FKT bermakna adverbial (6,7) dan satu (5) yang bermakna pelengkap. Antara contoh yang terbabit, ada susunan yang menarik, iaitu: *Orang Melayu ... mempersendakan orang Arab menyebut kata-kata Melayu*. Dengan menggantikan kata kerja inti sebutan, boleh dibentuk jenis susunan serupa yang banyak digunakan dalam ayat-ayat Melayu seperti yang berikut:

*Orang Melayu meminta orang Arab menyebut kata-kata Melayu;  
Orang Melayu memaksa orang Arab menyebut kata-kata Melayu;  
Orang Melayu mendengar orang Arab menyebut kata-kata Melayu;  
Orang Melayu mengajarkan orang Arab menyebut kata-kata Melayu.*

Pada pandangan pertama, rangkaian *orang Arab menyebut kata-kata Melayu* dapat dianggap sebagai klausa pelengkap biasa sahaja. Tetapi ada

transformasi yang menunjukkan bahawa tidaklah biasa sifatnya itu. Ayat-ayat tersebut boleh dijadikan ayat pasif. Contohnya, *oleh orang Melayu orang Arab dipersendakan menyebut kata-kata Melayu*; atau: *orang Arab diajarkan, diminta, dipaksa, didengar* dan sebagainya + rangkaian *menyebut kata-kata Melayu*. Ini membuktikan bahawa *orang Arab*, di samping menjadi subjek kepada kata kerja *menyebut*, juga merupakan komplemen objek tepat bagi kata kerja inti yang memerintah (dominan). Sebenarnya, ada beberapa set kata kerja yang memiliki keupayaan demikian, iaitu yang bermakna perseptif, kausatif, dan performatif, (seperti *melihat, mendengar, memerintah, memaksa, mengajar*). Dengan yang demikian, terdapat susunan khusus yang sering disebut “konstruksi rantai”. Jenis konstruksi ini justeru ada dalam bahasa-bahasa yang tidak mempunyai morfologi kasus dan oposisi finit/tak finit, dan kadangkala diterapkan bersama-sama konstruksi serial. Pada pendapat pengkaji, ini bukanlah konstruksi serial sebagaimana susunan parataksis sahaja, tetapi juga merupakan jenis konstruksi sendiri yang seharusnya diberi analisis khusus, mungkin juga dalam rangka pemerian susunan multiverbal umum.

Demikianlah sejumlah senarai masalah yang berhubungan dengan kepelbagaian jenis susunan sintaksis multiverbal yang masih memerlukan perhatian dalam aktiviti mempelajari jalan bahasa Melayu.

## SUSUNAN MULTIVERBAL

Ada beberapa jenis konstruksi multiverbal seperti yang berikut:

- (A) Susunan serial (SS) yang biasanya berperanan sebagai sebutan, bervariasi dengan sebutan rangkap.
- (B) Konstruksi rantai bermakna perseptif, kausatif, performatif.
- (C) Frasa kerja tergantung (FKT) yang memenuhi pelbagai fungsi anggota ayat.

### Susunan Serial

Dalam pengkajian susunan ayat multiverbal BM harus diberikan perhatian khusus kepada susunan-susunan serial (SS) yang pelbagai jenisnya seperti yang terdapat dalam wacana sastera. Sarana hipotaksis bukan sahaja belum cukup berkembang dalam wacana sastera lama tetapi juga dalam sastera moden. SS-SS boleh dicirikan dari beberapa sudut, misalnya seperti yang berikut:

- i. SS terdiri daripada beberapa kata kerja. Yang paling biasa ialah

- dua kata kerja. Kedua-dua kata kerja terbabit hanya menyatakan satu proses, gerakan, keadaan sambil menyebut ciri-cirinya dengan makna sendiri. Oleh sebab SS menyebut satu predikat kepada satu subjek dari sudut lain, maka masing-masing kata kerja mempunyai hubungan predikatif dengan pokok ayat serta saling berhubungan antara satu sama lain.
- ii. SS berfungsi sebagai satu sebutan yang berkaitan dengan satu pokok, biasanya aktor, tetapi mungkin juga objek.
  - iii. Dalam BM, ada SS yang terdiri daripada “kata sifat + kata kerja”. Anggota bermakna sifat kualiti di sini mempunyai kaitan bukan sahaja dengan kata kerja (sebagai keterangannya), tetapi juga dengan pokok ayat. Kata sifat sering digunakan untuk menyebut keadaan jiwa atau fizikal daripada pokok/subjek, seperti: *sibuk bekerja, puas membincangkan, jemu ditanya*.
  - iv. Rangkaian SS boleh berdiri sebagai “kata kerja intransitif + kata kerja tak transitif”, atau “kata kerja tak transitif + kata kerja transitif”, mungkin dikaitkan pula dengan komplemennya, kedua-dua jenis itu dapat berangkai lagi. Ada SS yang menyebut suatu keadaan subjek sahaja, tetapi ada yang melukiskan situasi dengan dua hingga tiga keadaan/aksi serentak yang masing-masing boleh mempunyai keterangan atau aktan.
  - v. Kepelbagaian SS yang demikian boleh dianggap sebagai ciri khusus BM sehingga mungkin lebih tepat lagi membagikannya kepada dua jenis SS, iaitu yang menyatakan satu predikat (Contoh 1–10, 13) dan yang menyatakan dua hingga tiga ciri predikatif yang sama-sama mencerminkan keadaan subjek dalam situasi kenyataan tertentu sampai menempati satu slot posisi sebutan dalam ayat. Untuk SS jenis kedua ini, pengkaji pernah menggunakan istilah “sebutan rangkap” (Contoh 11–12, 14).
  - vi. Satu SS mempunyai relasi waktu dan modaliti yang sama.
  - vii. Sebagai frasa kerja predikatif, SS biasanya boleh diubah menjadi frasa dengan *yang*.

Sila lihat contoh-contoh:

- (1) Pak Haji Hasan dan Encik Kadir berdiri menunggu (ZN:23).
- (2) “Beg kamu busuk!” kata Anis lalu berlari menuju sungai (Omar: 45).
- (3) Minah cepat-cepat turun mengejar kedua-dua anak saudaranya (ZN: 5).

- (4) .... Dan aku pun mengundurkan diri keluar dari dewan itu (AHP: 95).
- (5) Tiba-tiba bola yang sudah uzur meleret tiba di kaki (Omar:46).
- (6) Sifat mereka berubah turun mutu (CIT:62).
- (7) Sekalli-sekala Limah datang menjenguk memberi sedikit duit dan buah tangan (ZN:190).
- (8) ... boleh datang balik tamatkan pelajaran (Warna Sari: 4).
- (9) Abdul Mohsin tercengang memandang adik tirinya (Warna Sari: 5)
- (10) Seekor bangau tungtung melayang turun dari puncak rumpun bakau (CIT:56).
- (11) Orang berjalan kaki berdahuluan naik mengalahkan penarik-penarik beca (ZN:3).
- (12) Abdul Mohsin tiada berniat hendak mencari jalan membuat perhubungan dengan ... (Warna Sari:9).
- (13) Hafiz termengah-mengah berdiri di hadapan kakaknya (Omar: 46).
- (14) Sinar cahaya kuning-kemerahan mentari sebahagiannya, ditabiri gumpalan mega (SS-DS:52).
- (15) Dia lihat kawan camar kecil kepala putih berbaur dengan camar dara melayang di angkasa, membabar sayap dan paruh runduk ke bawah (CIT:57).

Setiap ayat di atas melukiskan situasi dengan ekspresi hidup, dan kebersamaan waktu terjadinya setiap aksi atau gerakan yang tidak perlu dinyatakan dengan kata-kata penanda waktu. Kerana relasi dan kaitan semantik antara kata kerja terbabit tidak dinyatakan secara eksplisit, maka seseorang pembaca wacana demikian akan membagikan ayat itu kepada gatra dan memahami kaitan semantiknya dengan irama dan tekanan yang menurut *rasa bahasanya* sendiri.

Sebenarnya, antara kata/frasa kerja yang terdapat dalam susunan serial dan rangkap ada relasi semantik subordinatif. Biasanya, ia membawa makna adverbial dan dapat ditransformasikan serta dinyatakan oleh kata sambung seperti *sambil*, *dengan* (contoh 1, 2, 4, 10, 13, 15), *untuk* (Contoh 3, 7, 8, 12), *hingga* (Contoh 5, 6, 11), *kerana* (Contoh 9, 14). Jika frasa kerja dalam sebutan rangkap diperluas dengan aktan dan keterangan, struktur ayat akan berubah mendekati ayat dengan sebutan setaraf (Contoh 14, 15).

Persoalan lanjut tentang sebutan bersusunan serial dan rangkap pernah dikupas oleh pengkaji dalam Alieva *et al.* (1991: 396–401).

## Konstruksi Rantai

Dalam BM, ada satu jenis struktur lagi yang tidak begitu sederhana, walaupun ada ciri-ciri yang mendekatkannya dengan SS. Itulah “konstruksi rantai” (KR) dengan kata kerja inti bermakna perseptif, kausatif, dan performatif (di sini pengkaji menggunakan perkataan “konstruksi” sebagai istilah).

Pemerian umum KR sudah diberikan di atas. Dari satu segi, KR, terutama dengan kata kerja inti yang bukan bentuk pasif, memiliki ciri persamaan dengan SS sebagai susunan parataksis. Jika dilihat pemaikannya dalam BM, maka ada dasar untuk menganggapnya sebagai bukan suatu struktur yang sederhana parataksis, melainkan sebagai suatu struktur yang telah berkembang ke arah hipotaksis (atau mungkin sebaliknya, daripada susunan hipotaksis berkembang ke arah parataksis). Pemilihan unit kelas kata dan bentuk kata kerja di sini tidak bebas, yang paling penting ialah kemungkinan transformasi aktif - pasif apabila sarana morfologi dipergunakan. Dengan kehadiran sarana morfologi, urutan kata yang merupakan sarana mutlak dalam struktur parataksis, akan kehilangan peranan ini.

Untuk menunjukkan lebih banyak jenis struktur, contoh-contoh yang berkaitan dengan itu, pengkaji menggunakan singkatan KR.

## Konstruksi Rantai Perseptif

Pemerian ini bermula daripada KR dengan kata kerja inti bererti perseptif, iaitu *melihat, memandang, mendengar, menyaksikan, merasai, mengintai* dan makna-makna lain seperti ini. Pertama-tama, harus dilihat struktur KR dengan kata kerja inti berbentuk aktif, misalnya:

- (16) Dia melihat gadis itu membuka kain tudungnya selilit demi selilit (KM-Hal:553).
- (17) Sari Bulan gembira melihat Lola bekerja, duduk mencangkung dan memasang kuda-kuda (CIT:17).
- (18) Manakala pihak orang kuala memandang Melayu kini tercabut dari akar pembudayaan Melayu (CIT:66).
- (19) Mata Sari Bulan nanar di belakang teropong kameranya menyaksikan kuntul gunakan parut menyiat ikan (CIT:58).
- (20) Dia [Sari Bulan] ngeri melihat Kaywana, wanita tua, kendalikan kehidupan dan pembiakan keluarganya, kendalikan ladang dan kuli-kuli Negro (CIT:95).



Dalam contoh-contoh tersebut, cukup jelas kelihatan sifat rantai pada jalan ayat, ada pokok subjek pertama yang melakukan aksi yang disebut oleh sebutan transitif aktif; sebutan itu disusuli kata/frasa nama sebagai komplemen objek tepat; kata/frasa nama ini sama ertinya dengan aktor kedua (tetapi bukan pokok sebenar) berkaitan dengan kata/frasa kerja kedua yang menyusulinya, sama ada tak aktif/tak transitif (Contoh 18) ataupun transitif aktif (contoh lain). Contoh 16–20 menunjukkan bahawa kata kerja kedua boleh berupa pelbagai bentuk.

Yang menarik tentang Contoh 19 dan 20 ialah pemakaian bentuk berawalan kosong pada kata kerja transitif aktif yang kedua; ini langsung bersesuaian dengan kaedah BM klasik mengenai susunan rantai dengan kata kerja perintah, permohonan, keizinan. Ini juga membuktikan sifat hipotaksis pada susunan demikian yang mempergunakan bentuk morfologi untuk merujuk relasi sintaksis.

Akan tetapi, Sasterawan Negara, Arena Wati pada kata kerja inti pula menggugurkan awalan meN-, seperti dalam Contoh 21, 22:

- (21) Dia saksikan Johor Bahru bertukar suasana dan kian rincu dari tahun ke tahun (CIT:133).
- (22) Dia lihat kawanannya kecil kepala putih berbaur dengan camar dara melayang di angkasa, membabar sayap dan paruh runduk ke bawah (CIT:575).

Justeru pemakaian sebutan berbentuk kata kerja transitif tanpa awalan (*dia saksikan; dia lihat*) seperti ini yang mendorong pengkaji mengemukakan persoalan adanya proses penyusunan semula dalam sistem diatesis BM, seperti yang dihuraikan di atas. Namun demikian, kata kerja kedua, malah transitif aktif, dalam Contoh 21 dan 22 itu menggunakan awalan (*berubah; bertukar; melayang, membabar sayap*). Kata kerja pertama pun dapat dipasifkan, lalu seluruh KR berubah menjadi campur aduk susunan pasif dan aktif (Contoh 23–25) atau pasif dan tak aktif (Contoh 26).

- (23) Dua militan itu disyaki cuba menyerang pengawal keselamatan kem dengan pisau (BH, 14, 01, 02:17).
- (24) “Dup”, satu sentuhan lembut, tetapi cukup berat terasa mencecah jalan (ZN:2).
- (25) “Walaupun umur kau muda dari aku, tapi kau kuanggap memimpin kami.” (UH-UD:62).
- (26) Dan di paruhnya kelihatan seekor ikan warna kelabu melintang di celah paruhnya (CIT:56).

Suatu ciri SS, yakni pelbagai perubahan semantik pada kata kerja yang mengikutinya seperti pada Contoh-contoh 18, 20, 25, didapati tidak menunjukkan aksi penglihatan secara langsung dan konkrit, tetapi dengan komponen semantik abstrak kiasan. Demikianlah pemakaian kata kerja melihat, memandang, saksikan, anggap.

### **Konstruksi Rantai Kausatif**

Dari sudut semantik, ada dua jenis KR kausatif. Jenis pertama ialah kausatif sebenar berintikan kata kerja bermakna ujaran kausatif konkrit, seperti menyuruh, memerintah, memaksa, memohon, meminta, menyarankan, menolak. Yang menjadi aktan objek tepat dan sekali gus aktor kedua ialah sesiapa yang mendengar perintah atau permohonan daripada subjek kata kerja pertama untuk melakukan aksi yang ditunjukkan olehnya, misalnya:

- (27) Sebenarnya, Islam menyuruh kita mempelajari bukan saja agama kita, tetapi bidang lain juga (Mahathir: 6).
- (28) Pak Haji meminta Lipah mendengar kata-katanya sampai habis (ZN:22).
- (29) Dulu pun ada orang macam tuan juga menyuruh gadaikan tanah kami (UH-UD:32).
- (30) “Apa bendanya yang dia suruh Cik Yam siapkan tu Man?” tanya Lipah (ZN:17).
- (31) ... Dan ini memaksa sifat mereka berubah turun mutu (CIT:62).
- (32) Lalu Sari Bulan ke telefon, dan suruh Bacok kirim ukuran badannya (CIT:132).

Dalam contoh (29), pemakaian imbuhan meN- pada kata kerja kausatif dan awalan kosong pada kata kerja kedua sesuai dengan kaedah Melayu tradisional, sedangkan dalam contoh (30–32) awalan digugurkan semua, dan bukan oleh Arena Wati sahaja, melainkan oleh Zaharah Nawawi dalam ragam bahasa tuturan wacananya.

Kata kerja kausatif berkenaan boleh juga diubah menjadi pasif yang berkaitan dengan kata kerja aktif yang menyusulinya, misalnya:

- (33) Peluang ini digunakan Sari Bulan mempererat hubungan antara mereka dengan Lato sekeluarga (CIT:92).
- (34) Khoo Yang Chong disarankan menarik diri daripada pilihan raya kecil Indera Kayangan (BH, 14.01.02).
- (35) ... gadis yang sering disebut-sebutnya untuk dipinang dijadikan isteri (KR-Hal:556).

- (36) Selesai proses penulisan skripnya, aku terpaksa pula berperanan sebagai pengarah (BH, 10.03.02).

Makna relasi tujuan yang terdapat dalam KR kausatif secara tidak terbuka, dapat dinyatakan secara eksplisit dengan memasukkan kata sambung “supaya,” “untuk”, misalnya:

- (37) Ayat di atas menyeru manusia *supaya* mendirikan sembahyang. (HA-BH, 01.01.02).  
 (38) ... gadis yang sering disebut-sebutnya *untuk* dipinang ... (KR-Hal: 556).

Di sini hanya terdapat ayat dengan FKT bermakna tujuan.

### Konstruksi Rantai Performatif

Dalam KR kausatif jenis lain, subjek pertama dapat memaksa, atau mengajak, menyebabkan, bukan secara langsung dengan perkataan, tetapi dengan cara lain supaya faktor kedua melakukan sesuatu aksi. Subjek pertama yang terbabit boleh terdiri daripada faktor manusia, faktor sosial, kejadian alam dan sebagainya. Bagi si penulis atau si pembicara, aksi yang didorong dilakukan itu dinyatakan sebagai fakta yang terjadi mengikut kemahuan atau di luar kemahuan manusia. Demikianlah sifat KR kausatif jenis kedua yang boleh juga disebut KR performatif (melaksanakan apa-apa yang didorongkan). Keistimewaannya ialah tiadanya senarai kata kerja tertentu untuk posisi sebutan utama, tetapi kepelbagaian cara huraian yang digunakan. Contoh-contoh yang berikut menunjukkannya.

- (39) Kepakaran ... membolehkan kita mencipta dan melaksanakan pelbagai pendekatan dan tindakan ... (Mahathir:6).  
 (40) Allah sekali-kali tidak membenarkan kita meninggalkan sembahyang (HA-BH, 01.01.02:22).  
 (41) Satu aspek dari program ini bertujuan membolehkan pelajar-pelajar menguasai Bahasa Malaysia (CHIK:48).  
 (42) Dia ... mendorong mereka sedia membenteng tikar ... (SS-BS:54).  
 (43) Pemingkatan bahasa seperti ini menyenangkan pembuat bahan ujian bahasa menentukan cara-cara menguji ... (CHIK:44).  
 (44) Aku hendak ajak dia kerja buat ganti engkau (ZN:21).  
 (45) Kita yakin Perintah Am yang diguna pakai cukup memastikan kakitangan bertindak secara profesional (BH, 14.01.02).

- (46) Saya harap suamiku kelak membantu saya berusaha agar ... (CIT: 123).
- (47) Mereka (suami-isteri) mestilah bekerjasama untuk memastikan tugas dan tanggungjawab ini terlaksana dengan sempurna (BH, 14.01.02).
- (48) “Tidak adalah orang tolong carikan penumpang teksi aku lagi!” kata Tukiman nyaring (ZN:29).
- (49) Wajarkah dia membiarkan kakak berterus terang kepada ayah? (Omar:45).

Perhatikan bagaimana pula bentuk ayat-ayat dengan KR performatif, jika ia dipasifkan. Kata kerja pertama sahaja yang dapat dipasifkan di sini, bahagian kedua mengandungi kata kerja transitif aktif, atau tak transitif; kebanyakannya berbentuk *me-* / *meN-* dan mempunyai komplemen objek tepat, misalnya:

- (50) ... bahawa kita dikehendaki menolong diri kita dahulu sebelum Tuhan menolong kita (Minda 6:1).
- (51) Menurut kaedah ini, mahasiswa hanya dilatih mencapai satu kemahiran saja, iaitu kemahiran membaca untuk memahami teks (Awang: 9).
- (52) Khoo Yang Chong disarankan menarik diri daripada pilihan raya kecil Indera Kayangan (BH, 01.01.02).
- (53) Kita juga tidak digalakkan melayani perasaan waswas (HH-BH, 01.01. 02:22).
- (54) ... Aku terpaksa pula berperanan sebagai pengarah (BH, 10.03.02:10).

KR performatif perlu diberi perhatian khusus, terutama yang mengandungi perkataan *menjadi* sebagai kata kerja kedua. Bersama-sama dengan kata kerja inti, baik yang aktif mahupun yang pasif, *menjadi* biasanya menyatakan pengertian mengenai satu kerjaan sahaja supaya keadaan atau sifat objek / subjek kedua berubah, misalnya:

- (55) Marilah kita menentukan kita tidak menjadi mangsa tamadun primitif (Mahathir:22).
- (56) Akhirnya ... diperluaskan lagi menjadi drama muzik yang diberi nama “Muzika Uda dan Dara” (UA-UD:X).

KR kausatif benar dalam KR performatif, relasi tujuannya dapat dinyatakan dengan kata sambung “untuk” atau “supaya”, sehingga ayat boleh

berubah menjadi ayat dengan FKT tujuan, misalnya:

- (57) Dia diasuh ibu bapa dan dibimbing oleh pengasuh dalam rumah, untuk tumbuh ... sekurang-kurangnya sebagai wanita (CIT: 61).

### Susunan Konstruksi Rantai

Daripada apa yang telah dibincangkan di atas mengenai KR-KR, dapatlah disimpulkan bahawa ketiga-tiga jenis KR: KR perseptif, KR kausatif langsung berkata kerja kausatif dan KR kausatif tak langsung berkata kerja performatif, dengan keupayaannya mengambil ketiga-tiga bentuk diatesis yang berawalan *meN-*, *di-* dan *-* (kosong), merupakan model konstruksi sintaksis yang berdiri sendiri. Model ini dari satu segi ada kesamaannya dengan SS sebenar, namun dari segi yang lain, model KR itu mempunyai ciri khusus berbanding dengan SS dalam bahasa yang analitis. Sudah banyak dianalisis dan diperikan dalam ilmu linguistik umum (Foley & Olson, 1985; Crowley, 1991; Durie M., 1998; A. Aikhenvald, 1997) tentang hal ini. Keistimewaan susunan KR-KR, berbanding dengan SS jenis biasa dalam bahasa analitis, berpunca daripada sifat BM yang memiliki morfologi khusus jenis Austronesia dengan diatesis aktif dan pasif serta merujuk perbezaan variasi ketransitifan dengan bantuan imbuhan.

Jika KR disusun secara ayat pasif, akan muncul konstruksi yang cukup rumit dengan sarana morfologi eksplisit dan peranan daripada urutan kata jadi dilemahkan. KR-KR pasif, seperti pada Contoh 50–54, memperlihatkan perbezaan yang cukup nyata dengan SS biasa.

Pada contoh-contoh di atas, dapat dilihat bahawa KR-KR memang kerap kali merupakan gatra sebutan ayat, seperti yang dirujuk sebelum ini. Akan tetapi, ada umpama dikaitkannya ke dalam gatra lain, misalnya dalam FKT (Contoh 30, 35, 47).

Secara umumnya, model KR membuktikan kemajuan susun atur bahasa ke arah hipotaksis.

### Evolusi Konstruksi Rantai

Berhubung dengan apa-apa yang diperikan di atas mengenai hal evolusi parataksis - hipotaksis, boleh ditambah lagi sebagaimana yang berikut:

- i. Penulis menganggap bahawa KR-KR berbentuk pasif merupakan model tahap sejarah terdahulu, berhubungan dengan arah perkembangan susunan ayat dalam bahasa-bahasa AN pada umumnya.

- ii. Adanya dominasi keposesifan dalam susun atur yang masih bertahan dalam kebanyakan bahasa AN, yakni kerabat BM (yang juga mempunyai corak-corak yang berkaitan dengan dominasi keposesifan) memberi alasan untuk menganggap susunan ayat pasif sebagai model utama dan pertama.
- iii. Masalah pengaruh dominasi keposesifan itu sangat menarik sifatnya dari sudut tipologi.

Kembali kepada KR-KR perseptif, kausatif dan performatif, dalam BM moden, boleh dilihat bahawa jalan perkembangan sejarah bahasa ini yang menuju daripada jenis yang bermorfologi kaya kepada jenis yang beransur-ansur kehilangan sebahagian sarana morfologinya (terutama dialek dan bahasa tuturannya), maka susun atur ayat dengan KR lebih sering pula muncul dalam bentuk aktif serta menyerupai susunan serial sehingga KR-KR itu terpaksa dianalisis bersama dengan SS sebagai susunan parataksis.

## KESIMPULAN

Secara umumnya, kaedah pemakaian sarana-sarana eksplisit serta struktur-struktur hipotaksis dalam teks-teks tulisan BM zaman sekarang boleh dianggap cukup pasti dan tetap. Analisis teks itulah yang menjadi teras penyelidikan dalam makalah ini. Sebuah petikan wacana utuh daripada karangan Prof. Asmah Hj. Omar digunakan untuk menyelidik struktur ayat-ayatnya sebagai salah satu contoh teks moden.

Dapatan kajian daripada analisis yang dilakukan dalam makalah ini boleh disimpulkan sebagai berikut:

- a. Struktur polipredikatif wujud dalam beberapa jenis ayat dan terdapat tiga jenis ayat yang paling bererti, iaitu:
  - Ayat dengan susunan serial dan rangkap - SS.
  - Ayat dengan konstruksi rantai - KR.
  - Ayat dengan frasa kerja tergantung - FKT.

Struktur ini amat menarik kerana dengan mengkaji jenis-jenis ayat yang beralih daripada struktur yang bersifat parataksis, yakni SS kepada struktur yang bersifat hipotaksis serta banyak memiliki sarana eksplisit. Ayat bersusunan KR berada di tengah-tengah, kerana mempunyai ciri parataksis dan hipotaksis, dan yang terakhir bersifat morfologi.

Fungsi SS ialah sebutan; kerana antara anggotanya ada kaitan semantik

dan relasi sintaksis bersifat ketergantungan, SS seharusnya dibezakan daripada sebutan setaraf. Sebutan jenis SS ialah sebutan rangkap yang lebih rumit perlu dilengkapi dengan kata komplemen dan keterangan.

Kajian terhadap KR perseptif, KR kausatif dan KR performatif dibezakan berdasarkan semantik kata kerja inti yang pertama. Analisis KR juga mengambil kira bentuk diatesis kata kerja inti dengan bentuk diatesis kata kerja kedua, terutama yang berawalan kosong. Morfologi di sini memainkan peranan yang utama.

Baik teks sastera mahupun teks akbar dan majalah yang dikaji membuktikan bahawa bahasa yang tinggi darjah keanalitisannya ini sudah mencapai darjah tinggi dalam proses perkembangan ke arah berupaya mencipta struktur yang sempurna, daripada parataksis dan keimplisitan kepada hipotaksis dan keeksplisitan secara analitis.

Taraf tinggi kemajuan konstruksi rumit bersifat hipotaksis ialah salah satu corak, di samping kekayaan leksikal, peristilahan dan fraseologi, yang membuktikan bahawa bahasa kebangsaan sama ada di Malaysia atau di Indonesia telah merupakan bahasa moden yang dapat memenuhi segala keperluan pergaulan bahasa dalam mana-mana bidang penghidupan dan kehidupan sosial, ekonomi, ilmiah, sastera dan kesenian.

## RUJUKAN

- Alieva, Natalia F., 1993. "Problems of Tense in General Linguistics and the Temporal System in Malay / Indonesian: Language and the Conception of Time and Space". Kertas kerja Persidangan Antarabangsa di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993.
- Alieva, Natalia F., 1998. *Aspek-Aspek Tipologis daripada Tatabahasa Indonesia. Analitisme dan Sintetisme. Keposesifan.* (Dalam bahasa Rusia.). Moskow.
- Alieva, Natalia F., "Sarana Sintesis dan Analitis dalam Susunan Tatabahasa Melayu" dlm. *Jurnal Bahasa*, Disember 2002.
- Alieva et al., 1991. *Bahasa Indonesia: Deskripsi dan Teori.* Seri ILDEP. Yogyakarta: Kanisius.
- Asmah Hj. Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf, 1993. *Mas'alah Partikel yang belum Selesai dalam Tatabahasa Bahasa Melayu.* Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Asraf, "Kata Kerja dan Frasa Kerja dalam Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42:11, hlm. 964-978, November 1998.
- Azhar M. Simin, 1993. *Sintaksis - Wacana "YANG" dalam Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Darwis Harahap, "Parafraza Kata Kerja" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 38:11, hlm. 418–432, November 1994.
- Gsell, R., 1998. "On Serial Construction in Standard Thai". Kertas kerja Persidangan EUROSEAS di Hamburg, 1998.
- Lapoliva, Hans, 1990. *Klausa Pemerlengkapan dalam Bahasa Indonesia. Suatu Tinjauan Sintaktik dan Semantik*. Seri ILDEP. Yogyakarta: Kanisius.
- Liaw Yock Fang, 1985. *Nahu Melayu Moden*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Nik Safiah Karim, 1995. *Malay Grammar for Academics and Professionals*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1987. *Tatabahasa Dewan Jilid 1: Ayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Haji Salleh, 1995. *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



## LAMPIRAN 1

Kesimpulan ini menyokong pendapat yang mengatakan bahawa pengarang *Sejarah Melayu* ialah Tun Seri Lanang, yakni Bendahara Paduka Raja bagi Sultan Melaka terakhir.

Kedua, pengarang *Sejarah Melayu* dapat memahami kitab-kitab yang ditulis dalam bahasa Arab dan ayat-ayat Quran. Dia juga dapat bertutur dalam bahasa berkenaan. Penguasaan bahasa Arabnya merupakan penguasaan yang dipelajari secara tekun, bukan yang diperoleh secara sambil lewa daripada pedagang-pedagang Arab. Di samping itu, pengarang *Sejarah Melayu* dapat menguasai perbendaharaan kata Sanskrit dan Parsi yang sudah menjadi unsur bahasa Melayu klasik dalam zamannya. Ini tidak bermakna dia boleh bertutur dalam bahasa-bahasa itu.

Berdasarkan faktor pertama dan kedua di atas, pengarang *Sejarah Melayu* seorang intelektual dalam masyarakat dan zamannya.

Ketiga, tidak ada bukti yang kuat untuk mengatakan bahawa pengarang *Sejarah Melayu* menguasai bahasa Jawa seperti halnya dia menguasai bahasa Arab. Jika dia tahu bahasa Jawa, maka kemungkinan besar pemerolehan ini daripada pergaulannya dengan orang-orang Jawa di Melaka. Nampaknya dia tidak begitu gemar bahasa Jawa seperti halnya gemar bahasa Arab.

Keempat, pengarang *Sejarah Melayu* seorang yang mempunyai *sense of humour*. Sikap yang seperti ini sama sekali tidak ada pada pengarang *Hikayat Hang Tuah*.

Sarjana-sarjana lain berpendapat bahawa *Sejarah Melayu* mula ditulis oleh satu orang pengarang dan diberi tokok tambah kemudian.

Jika diperhatikan gaya bahasa *Sejarah Melayu*, bukan setakat pemilihan kata dan ungkapan tetapi juga kaedah penghuraian serta rentak irama yang dapat dirasakan apabila kita membaca teks itu, maka kesan yang diperoleh ialah teks berkenaan ditulis oleh satu orang. Tegasnya ada pengarang asal yang utama yang menghasilkan karya berkenaan. Jika versi-versi yang ada menunjukkan perbezaan di sana sini dari segi peristiwa-peristiwa kecil dalam cerita atau dari segi pencatatan nama orang, maka ini mungkin berlaku dalam proses penurunan teks itu ke beberapa naskhah dari zaman ke zaman.

Bukanlah mustahil bagi pengarang *Sejarah Melayu* mengetahui sejarah alam lain daripada Alam Melayu. Seperti yang sudah saya katakan, pengarang *Sejarah Melayu* ialah orang yang dapat membaca, boleh jadi juga bertutur, dalam bahasa Arab. Dengan itu dia dapat mempergunakan sumber-sumber yang ditulis dalam bahasa berkenaan yang diperolehnya

NATALIA F. ALIEVA

daripada pedagang-pedagang atau mubaligh-mubaligh yang datang dari Arab dan India.

Dengan menggunakan ukuran dalam zamannya, pengarang *Sejarah Melayu* ialah seorang yang terpelajar yang sangat berminat dalam soal bahasa.

(Asmah Haji Omar, 1985: 347–348)

LAMPIRAN 2

**Senarai teks sumber dengan tanda kod**

<b>AHP</b>	Abdullah Hasan, 1996. "Pertemuan di Kota Kinabalu" dlm. <i>Warna Sari Sastera Melayu Moden</i> . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
<b>Awang</b>	Awang Sariyan, petikan rencana "Pusat Bahasa Universiti Malaya sebagai Badan Perancangan Bahasa". <i>Berita Harian</i> , Kuala Lumpur.
<b>BH</b>	
<b>Bersiung</b>	Raja Bersiung, petikan daripada <i>Hikayat Merong Mahawangsa</i> .
<b>CHIK</b>	Azman Wan Chik, petikan rencana "Linguistik Terapan dan Teori Menilai serta Mengukur Pencapaian Bahasa Malaysia".
<b>CIT</b>	Arena Wati, petikan novel <i>Citra</i> .
<b>HA-BH-Cermat</b>	Hashim Ahmad, petikan rencana "Cermat Bersolat Boleh Dekatkan Diri dengan Allah" dalam <i>Berita Harian</i> , 01.01.2002.
<b>Hanapi - KL</b>	Hanapi, petikan rencana "Kuala Lumpur: Indah Seni Kurang Rekreasi" dalam <i>Dewan Budaya</i> .
<b>KM Hal</b>	Keris Mas petikan cerpen daripada <i>Antologi Cerpen ASEAN</i> .
<b>KM Rimba</b>	Keris Mas, petikan novel <i>Rimba Harapan</i> .
<b>Mahathir</b>	Dr. Mahathir Mohamad, petikan ucapan "Waspada Tamadun Primitif Abad ke-21" dalam <i>Berita Harian</i> .
<b>Minda</b>	Dr. Mahathir Mohamad, petikan ucapan "Pemikiran Tertutup Halang Usaha Bina Empayar Islam" dalam <i>Berita Harian</i> .
<b>Minda Pelajar</b>	Petikan daripada majalah <i>Kaunseling</i> .
<b>Nenek</b>	Shahabudin Jurimi, petikan cerpen daripada <i>Cerpen Pilihan</i> , Persatuan Penulis Johor.
<b>Omar</b>	Omar Mamat, cerpen <i>Beg untuk Kakak</i> .
<b>SAEM</b>	Sayembara. Cerpen-Cerpen Hadiah Esso-GAPENA 1980.
<b>UA-UD</b>	Usman Awang, "Muzika Uda dan Dara". DBP, KL. 1976.
<b>ZN</b>	Zaharah Nawawi, <i>Pesisir Hitam</i> . Pustaka Cipta, Petaling Jaya. 1985.